

114
NO. SOALAN: 346

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

SOALAN : 346

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan satu per satu dalam tempoh 2013, 2014, 2015, 2016 dan hingga tahun ini :-

- (a)berapakah kes tangkapan dibuat oleh SPRM dan berapakah bilangan jumlah kes yang didakwa ke mahkamah ; dan
- (b)berapakah bilangan jumlah kes yang berjaya disabit kesalahan oleh mahkamah .

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Jawapan (a) dan (b)

Bagi tempoh 2013, 2014, 2015, 2016 jumlah tangkapan adalah sebanyak 3,569, jumlah pertuduhan adalah sebanyak 1,444 manakala jumlah sabitan 902.

Semua maklumat ini boleh diakses melalui portal rasmi dan Facebook SPRM, selain hebahan-hebahan berita di media-media perdana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN : 347

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah caj penukaran hak milik motosikal di Sabah masih mahal iaitu RM40 berbanding RM3 di Semenanjung Malaysia. Bilakah caj penukaran hak milik motosikal boleh dikurangkan.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Perbezaan ini berlaku kerana sebelum Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 diperluaskan di Sabah dan Sarawak, perkara berkaitan pendaftaran dan pelesenan kenderaan di kedua-dua negeri tersebut menggunakan pakai Ordinan Lalu Lintas di bawah bidang kuasa negeri masing-masing.

Semasa perluasan pemakaian APJ 1987 dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak, semua kadar bagi fi perkhidmatan termasuklah fi tukar milik dipersetujui untuk dikekalkan dan kadar tersebut masih berkuat kuasa sehingga kini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji perkara ini dan akan mengadakan penyelarasaran harga di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, pertukaran hak milik melibatkan motokar adalah lebih rendah di mana bayaran sebanyak RM100.00 di Semenanjung berbanding RM40.00 di Sabah. Bagi kes kenderaan perdagangan pula, kadar fi tukar hak milik adalah sama iaitu RM40.